

Pejabat korporat wajar dibenar operasi semula - MEF

September 14, 2021 @ 5:40pm



Presidennya Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman.

KUALA LUMPUR: Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menggesa kerajaan agar membenarkan pejabat korporat beroperasi semula susulan kelonggaran sekatan yang diberikan bagi sektor perkhidmatan bukan keperluan utama (non-essential services).

Presidennya Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata kebanyakan ahli MEF mempersoalkan rasional pejabat korporat masih ditutup sedangkan pejabat kilang dibenarkan dibuka semula.

"Banyak majikan yang tertanya-tanya mengenai situasi ini kerana keputusan yang besar dilakukan di peringkat pengurusan dan bukan di kawasan pengeluaran.

"Keberkesanan operasi kilang akan terganggu sekiranya pejabat korporat terus ditutup," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Memandangkan situasi semasa, MEF mencadangkan agar pihak berkuasa membenarkan pekerja yang telah divaksinasi sepenuhnya untuk kembali bekerja ke pejabat.

"Kami berharap pihak berkuasa memahami masalah perniagaan dan dipercayai majikan untuk menguruskan sendiri prosedur operasi standard kerana ini akan mengurangkan tekanan pentadbiran," kata Syed Hussain.

Beliau berkata langkah seperti itu akan membolehkan majikan menumpukan kepada usaha pemulihan perniagaan mereka, yang kemudiannya akan membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia. – Bernama